

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	9 / 7 / 2017

NASIONAL

AHAD 9 JULAI 2017 • SINAR HARIAN

'Jaga mulut atau aib dibuka'

MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID

BAGANDATUK - "Kalau dia tidak jaga mulut dan berkelakuan baik, kita akan buka aib dia selama 22 tahun memerintah negara."

Itu amaran oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Bagan Datuk, semalam.

Ahmad Zahid berkata, setiap pemimpin mempunyai zaman pemerintahannya sendiri dan lazimnya pemimpin baharu akan menyatakan pemimpin terdahulu melakukan kesilapan, lalu melakukan perubahan.

"Tetapi di Malaysia, pemimpin dahulu menyalahkan pengganti-pengantinya, menyalahkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Ia amat luar biasa.

"Sepatutnya zaman dia (Tun Mahathir) sudah berlalu, jadi diam-diam duduklah berzikir," katanya.

Ahmad Zahid berkata, tindakan Najib mengeluarkan kenyataan mengenai sikap 'corner baring' Mahathir menunjukkan pemimpin nombor satu negara



Ahmad Zahid ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bagan Datuk, semalam.

itu sudah tidak tahan walaupun seorang penyabar.

"Apa manfaat yang tidak dia (Mahathir) dapat selama 22 tahun menjadi perdana menteri? Anak-anak dia tidak dapat manfaat?"

"Tetapi kalau dia sentuh lagi tentang perlakuan dalam Umno dan menanam sifat kebencian, kita akan lakukan yang lebih keras dan bukan memburukkan dia, cuma menyatakan kepada rakyat bahawa ada kesilapan dia

lakukan," katanya.

Ahmad Zahid turut mengatakan, jika beliau tidak lagi memegang jawatan ahli parlimen dan sebagai timbalan perdana menteri, dia tetap akan memberi sokongan kepada kerajaan.

"Insya-ALLAH, kalau saya tidak pegang lagi Parlimen Bagan Datuk atau TPM, saya akan memberi sokongan kepada pengganti saya kerana zaman saya sudah berlalu," katanya.

Mahathir bimbang RCI: Najib

SHAH ALAM - Sokongan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim didakwa didorong oleh kebimbangannya mengenai keputusan Kabinet membentuk suruhanjaya siasatan diraja (RCI) menyiasat kerugian Bank Negara berjumlah RM30 bilion.

Jelas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Mahathir mengetahui penemuan RCI boleh membawa kepada pendakwaan jenayah, jadi beliau tidak mampu untuk mempunyai individu yang sangat relevan dengan kes seperti Anwar



NAJIB

ada majoriti kerusi parlimen, sedangkan parti Mahathir hanya mempunyai satu," katanya dalam kenyataannya.

Sebelum ini, Kabinet bersetuju dengan syor Pasukan Petugas Khas agar RCI ditubuhkan bagi membolehkan siasatan dilakukan terhadap kes kerugian urus niaga mata wang asing pada 1980-an dan 1990-an.

Sinar Harian
- 9/7/2017 Pg. 2

memberi keterangan terhadapnya.

"Adalah ironis bahawa Mahathir kini memerlukan Anwar, lelaki yang dipecat dan dipenjarakan. Sama seperti beliau kini memerlukan (Ketua Parlimen DAP) Lim Kit Siang, kerana pada hakikatnya Kit Siang mengawal pembangkang kerana DAP

Najib dalam keadaan terdesak

SHAH ALAM - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berada dalam keadaan panik dan terdesak apabila pembangkang melakukan langkah pengukuhan konsensus.

Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzil berkata, perkara itu boleh dilihat menerusi laporan pertemuan Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di London.

"Politik adalah persepsi. Laporan berita ini sudah pasti memperlihatkan

muafakat Anwar dan Mahathir. Ini menjadi bukti pergerakan pihak pembangkang semakin teratur.

"Ini membuatkan Najib semakin panik dan terdesak kerana nyawa politik beliau semakin 'tenat'. Bukti pertama adalah kenyataan media beliau hanya di dalam bahasa Inggeris dan bukannya bahasa Malaysia," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Katanya lagi, ugutan politik hanya menampakkan sikap panik dan mementingkan kelompok sendiri.

Sinar Harian
- 9/7/2017 Pg. 2

< www.wufq.org >